

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (6)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 06 TAHUN 2013**

Tarikh : 20 Jun 2013 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.15 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Arumugam a/l Kalimuthu | - | " |
| 5. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 6. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | " |
| 7. | Encik Mohd Nasir bin Yusof | - | " |
| 8. | Puan Norhesni binti Ismail | - | " |
| 9. | Encik Sapiyan bin Mohd. Din | - | " |
| 10. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 11. | Dr. Loi Kheng Min | - | " |
| 12. | Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 13. | Encik Sufari bin Tinnin | - | " |
| 14. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 15. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 16. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 17. | Encik Muzammil bin Hafiz | - | " |
| 18. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 19. | Puan Sazana binti Isa | - | " |
| 20. | Encik Chang Kim Loong, AMN | - | " |
| 21. | Encik Cheah Sang Soon | - | " |
| 22. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 23. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Ir. Ismail bin Shafie
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Encik Norjafni bin Zainuddin
Pengarah, Jabatan OSC
9. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan

14. Encik Noorhafez bin Nordin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
15. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
16. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
17. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
18. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
19. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
20. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
21. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
22. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
23. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
24. Encik Mohd Razif bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
26. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
27. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil

28. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
29. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
30. Puan Aziana binti Mohamad Aripin
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
31. Encik Muhammad Hafidz bin Hassan
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
32. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Encik Khairul Nazim bin Arbain
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Nurli Izwan bin Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
36. Cik Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
37. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
38. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
39. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
40. Encik Rostam bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
41. Encik Mohd Taufik bin Daud
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan

42. Puan Kamilawati binti Ibrahim
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
43. Puan Azizah binti Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
44. Encik Khairul Nizam bin Khalid
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
45. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
46. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
47. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
48. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
49. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
50. Dr. Ahmad Zulhizri bin Ahmad Suhaimi
Pegawai Veteriner, Jabatan Kesihatan
51. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
52. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
53. Puan Diana binti Mohamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
54. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
55. Cik Emilia binti Nasir
Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Perancangan Korporat

URUSETIA

1. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Habibah binti Ab.Manap
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Nasir Bin Yusof, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 06/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 Majlis Perasmian Dan Penjenamaan Kompleks 3C, Majlis Perbandaran Subang Jaya

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perasmian Bangunan Kompleks 3C (Children Creativity Centre) MPSJ dan Penjenamaan Kompleks 3C telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor pada 15 Jun 2013 (Sabtu).

Majlis ini turut dihadiri oleh Puan Sri Datin Seri Salbiah binti Tunut, YB. Puan Rodziah binti Ismail, Datin Rohilah binti Sabilan dan Ahli-Ahli Majlis MPSJ.

Pihak Majlis merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ yang telah hadir bagi menjayakan program ini.

2.2 Mesyuarat Pertama (Angkat Sumpah) Dan Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas Tahun 2013

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pertama (Angkat Sumpah) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas akan diadakan seperti pada ketetapan berikut;

Tarikh : 21 Jun 2013 (Jumaat)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Dewan Negeri Selangor,
Bangunan Annex, Shah Alam

Seterusnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas Tahun 2013 akan bersidang pada:

Tarikh : 28 Jun – 12 Julai 2013
Tempat : Dewan Negeri Selangor,
Bangunan Annex, Shah Alam

2.3 Lawatan Kerja YB. Dato' Teng Chang Kim, Exco Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan Negeri Selangor Ke Majlis Perbandaran Subang Jaya

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menerima lawatan kerja daripada YB. Dato' Teng Chang Kim, Exco Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan Negeri Selangor pada 24 Jun 2013 (Isnin), jam 9.00 pagi hingga 12 tengah hari bertempat di Laman Kenanga, MPSJ.

Pihak Majlis amat berbesar hati dan mengalu-alukan kunjungan YB. Dato' Teng Chang Kim, Exco Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan Negeri Selangor ke Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.4 Kunjungan Mesra Y. A. Bhg. Puan Sri Datin Seri Salbiah Binti Tunut Ke Pusat Biomass Majlis Perbandaran Subang Jaya

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menerima kunjungan mesra daripada Y. A. Bhg. Puan Sri Datin Seri Salbiah binti Tunut, isteri YAB Dato' Menteri Besar Selangor ke Pusat Biomass MPSJ pada 24 Jun 2013 (Isnin), jam 9.30 pagi hingga 12 tengah hari bertempat di Pusat Biomass MPSJ.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan projek Bandar Biomass Serdang dan lain-lain projek biomass yang dijalankan oleh MPSJ yang terletak di Bandar Bukit Puchong dan USJ 1, Subang Jaya.

MPSJ amat berbesar hati dan mengalu-alukan kunjungan Y. A. Bhg. Puan Sri Datin Seri Salbiah binti Tunut ke Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.5 Sukan Badan-Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2013

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menghantar kontinjen MPSJ untuk menyertai Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) Ke-8, 2013 yang akan berlangsung pada 24 Jun 2013 hingga 02 Julai 2013 bertempat di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Perlis Indera Kayangan.

Majlis Perasmian SUKANUN 2013 akan diadakan pada 28 Jun 2013 (Jumaat), jam 8.00 malam. Majlis Perasmian akan disempurnakan oleh DYMM Sultan Perlis.

MPSJ akan menghantar seramai 174 orang kontinjen yang terdiri daripada pengurus pasukan dan atlit yang bertanding. Kontinjen MPSJ akan mengambil bahagian dalam 15 acara sukan daripada keseluruhan 22 acara sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan ini.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat berjaya kepada seluruh kontinjen MPSJ dan mengharapkan semoga pasukan MPSJ akan dapat mencapai kejayaan dan kedudukan yang lebih baik berbanding pencapaian dalam kejohanan yang lalu.

2.6 Ucapan Khas Sempena Bulan Ramadhan 1434H

Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Islam. InsyaAllah tarikh permulaan Ramadhan dijangka akan disambut pada 10 Julai 2013 bersamaan hari Rabu.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran bulan Ramadhan yang penuh rahmat ini, dapatlah kita bersama-sama mengimarahkannya serta mempertingkatkan amal ibadat kita. Semoga kita semua akan bersama-sama mendapat keberkatannya.

2.7 Laporan Demam Denggi

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 24 (iaitu sehingga 15 Jun 2013) adalah sebanyak 477 kes dilaporkan dan sebanyak 232 kes disahkan positif. Buat masa ini tiada kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 05/2013 BERTARIKH 28 MEI 2013.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05/2013 bertarikh 28 Mei 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU) MPSJ

Encik Loka Ng Sai Kai memohon supaya pihak Majlis mengadakan semula Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU) di peringkat MPSJ.

Tindakan : Jabatan Perancang Bandar

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 11/2013 Bertarikh 04 Jun 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 12/2013 Bertarikh 18 Jun 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan
Korporat Bil. 06/2013 Bertarikh 05 Jun 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 06/2013 Bertarikh 13 Jun 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 06/2013 Bertarikh 13 Jun 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.2 m.s 7	En. Arumugam a/l Kalimuthu	'Timing' Lampu Isyarat Di Simpang Masuk Jalan PSK, Pusat Perdagangan Seri Kembangan	<p><u>Pindaan Minit :</u> Perkara ini dibangkitkan oleh 'En. Tai Cheng Heng' dan bukannya 'YB. Ng Sze Han' seperti yang dicatatkan dalam Minit Mesyuarat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil maklum mengenai perkara ini.</p>

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 06/2013 Bertarikh 14 Jun 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Loka Ng Sai Kai	Isu Nama Pusat Hiburan	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis meneliti dan membuat tapisan berkenaan penggunaan nama sesebuah premis pusat hiburan sebelum diberikan kelulusan terutamanya nama-nama yang melibatkan sensitiviti agama dan bangsa.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi meminta Jabatan Pelesenan mengambil perhatian serius berhubung perkara ini dan mengkaji semula syarat-syarat sedia ada untuk tujuan penambahbaikan bagi menguruskan perkara ini dengan lebih menyeluruh di masa hadapan.</p>

Tindakan : Jabatan Pelesenan

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan
Bil. 06/2013 Bertarikh 14 Jun 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 06/2013
Bertarikh 17 Jun 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 6.1** Pengerusi Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

‘MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI’

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO’ ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Tarikh :